



06 Dec 2017

Berita Harian, Malaysia

Author: Nasuha Badrul Huzaini • Section: Bisnes • Page: 27 • Printed Size: 359.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 12,328.00
PR value: MYR 36,984.00 • Item ID: MY0031138055

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

back

Bangunan IJM di TRX siap akhir 2018

84 peratus ruang pejabat sudah ada penyewa

Oleh Nasuha Badrul Huzaini
nasuha@bh.com.my

Sebanyak 84 peratus ruang dalam bangunan pejabat baharu setinggi 27 tingkat milik IJM Corporation Bhd (IJM) di Tun Razak Exchange (TRX) sudah mempunyai penyewa.

Bangunan pejabat yang dibangunkan dengan nilai RM500 juta itu akan dikenali sebagai Menara Prudential dan bakal menjadi ibu pejabat baharu syarikat insurans terkemuka, Prudential.

Ia dijangka diserahkan kepada penyewa utama pada suku pertama

ma 2019.

Ketua Eksekutif dan Pengarah Urusan IJM, Datuk Soam Heng Choon, berkata bangunan pejabat Gred A dengan persijilan LEED Gold dan menerima status MSC itu dibina di atas tapak seluas 0.477 hektar dengan keluasan kasar sebanyak 560,000 kaki persegi.

Perluas portfolio

"Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2018 dan ia akan menyertai institusi kewangan dan perbankan terkemuka yang lain seperti HSBC dan Affin Bank di kawasan TRX.

"Kami berbangga kerana dapat melabur dan membangunkan pelaburan harta tanah yang berkualiti, selaras dengan strategi kami untuk mengembangkan portfolio aset pendapatan berulang," kata dia selepas majlis penyempurnaan binaan bangunan berkenaan di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari

Abdul Ghani dan Ketua Eksekutif TRX, Datuk Azmar Talib.

Majlis berkenaan diadakan bertujuan meraikan kejayaan menyempurnakan pembinaan kerja struktur utama bangunan berkenaan yang hanya mengambil masa selama 10 bulan.

Tiga projek di TRX

Ia adalah bangunan pertama dalam projek TRX yang berjaya disiapkan sehingga ke tingkat teratas. IJM kini sedang menjalankan tiga projek pembinaan di TRX.

Mengulas lanjut, Soam berkata, ia termasuklah kontrak bernilai RM392 juta untuk kerja rekaan dan pembinaan ibu pejabat HSBC Bank baharu dan kontrak bagi kerja asas dan kerja substruktur ibu pejabat baharu Affin Bank.

"Semua projek ini menjadi bukti kepada rekod kukuh kami dan kepakaran yang kami miliki dalam membina pembangunan bertingkat dan berprestij di tengah bandar," katanya.

Fakta nomor

RM500 JUTA

Nilai Menara Prudential

27 TINGKAT

Menara Prudential



Johari (dua dari kiri) bersama Heng Choon (kiri) pada majlis penyempurnaan binaan bangunan pejabat IJM di TRX di Kuala Lumpur, semalam.